

GUBAHAN LAGU RAKYAT UNTUK ENSEMBEL REKODER KSSR

MOHD SALLEHUDDIN SHAH BIN ZAINAL ABIDIN

PROJEK PEMBANGUNAN PRODUK INI NTUK PEMBELAJARAN SARJANA

FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2011

PENGAKUAN

Saya mengaku pembangunan produk ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

Disember 2011

Mohd Sallehuddin Shah bin Zainal Abidin

M20082000241



PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Illahi kerana dengan berkat dan keizinan-Nya, dapat saya menyiapkan Buku *Gubahan Lagu Rakyat Untuk Ensembel Rekoder Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)* ini. Semangat, tenaga dan ilmu daripada-Nya adalah tidak bermakna tanpa bantuan dan sokongan daripada penyelia saya, Profesor Madya Zaharul Lailiddin Saidon di atas segala tunjuk ajar, dorongan, nasihat, teguran dan kesabaran beliau dalam membimbing saya meyempurnakan buku ini. Kesyukuran beliau meluangkan masa dalam memberi pandangan dan idea, amat saya hargai. Penghargaan seterusnya diberikan kepada pensyarah-pensyarah lain dalam Fakulti Pendidikan, Fakulti Institut Pengajian Siswazah dan Fakulti Seni dan Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana menyumbangkan ilmu, pengalaman dan kepakaran mereka sepanjang saya menghadiri kursus yang telah ditawarkan di sepanjang pengajian saya. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada barisan pentadbiran Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Anderson yang dipimpin oleh Pengetua, kerana sudi membantu dan memahami situasi-situasi yang saya lalui sepanjang pengajian saya. Terima kasih juga buat rakan-rakan seperjuangan, iaitu di kalangan guru-guru Pendidikan Muzik Perak terutamanya kepada Encik Chan Kit Yip iaitu pesara guru muzik kerana turut membantu dan meluangkan masa berkongsi idea, pengalaman mahu pun sumber rujukan dalam proses menyiapkan buku ini. Akhir sekali, buat keluarga tercinta, ibu, isteri tersayang Ruzila Bt Mohd Yusoff dan anak-anak kerana sokongan moral yang tidak pernah berbelah bagi. Hasil kerja ini juga dihasilkan khas untuk arwah ayahanda saya yang telah banyak mengajar saya erti kehidupan. Sekian.





PRAKATA

Rekoder merupakan alat muzik yang telah diperkenalkan ke sekolah- sekolah sejak pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) melalui mata pelajaran Pendidikan Muzik pada tahun 1983. Perkembangan permainan rekoder ini telah menjadi satu aktiviti pengajaran dan pembelajaran baru iaitu “Ensembel Rekoder”. Ia membolehkan pelajar membentuk disiplin dalam membuat persembahan dan menikmati muzik ke arah membantu insan yang mempunyai emosi seimbang, kreatif dan inovatif. Oleh sebab itu, fungsi produk yang paling asas ialah sebagai menambahkan lagi koleksi buku latihan bagi Ensembel Rekoder dalam pasaran tempatan untuk kegunaan aktiviti latihan untuk kumpulan Ensembel Rekoder sekolah. Buku gubahan lagu tempatan ini adalah merupakan satu alternatif tambahan kepada buku method book yang sedia ada. Di samping itu, produk ini juga berfungsi sebagai memberi pilihan kepada jurulatih kumpulan Ensembel Rekoder tempatan menggunakan lagu-lagu tempatan sebagai bahan latihan bagi pasukan mereka. Diharapkan dengan menggunakan buku gubahan lagu rakyat ini, kumpulan Ensembel Rekoder tempatan dapat meningkatkan lagi tahap permainan mereka di samping menikmati keindahan muzik berlatarbelakang estetika tempatan. Penggunaan buku gubahan lagu ini harus diberi penekanan dalam usaha mendidik pelajar ke arah mencintai warisan bangsa seterusnya dapat memberi keberkesanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Usaha murni ini merupakan langkah pertama ke arah memartabatkan lagu-lagu tempatan sebagai bahan utama rujukan dunia muzik tempatan dan lagu-lagu rakyat Malaysia dikenali di merata dunia.





ISI KANDUNGAN

Mukasurat

Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Prakata	iv
Isi Kandungan	v

1. Pendahuluan	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Tujuan Kajian	12
1.4 Kesignifikan Projek	13
1.5 Batasan Projek	14
1.6 Definisi Istilah	16

2. Prosedur Membangunkan Prosedur Projek

2.1 Pengenalan	19
2.2 Pengumpulan Bahan	20
2.3 Membuat Pemilihan Lagu-Lagu Mengikut Kesesuaian Tahap Yang Ditetapkan Untuk Pembinaan Projek.	24

3. Huraian Tentang Topik

3.1 Pengenalan	26
3.2 Huraian Tentang Set Konduktor	27
3.3 Huraian Tentang Set Skor Individu	30
3.4 Huraian Tentang Pembinaan Gubahan Penuh Untuk Kumpulan 'Ensembel Rekoder'.	30

4. Perbincangan Dan Dapatan Produk

4.1 Pengenalan	33
4.2 Latar Belakang Responden	33
4.3 Analisis Dapatan Temu Bual	35
4.4 Rumusan	39





5. Rumusan Dan Cadangan	
5.1 Pengenalan	40
5.2 Ringkasan Produk	40
5.3 Fungsi-Fungsi Produk	41
5.4 Sasaran Pengguna	42
5.5 Perbincangan Kekuatan Dan Kelemahan Produk	42
5.6 Cadangan-Cadangan	44
5.7 Rumusan	44
6. Bibliografi	45



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Muzik merupakan satu aktiviti rekreasi atau kesenggangan dan ianya amat sesuai sebagai satu pilihan aktiviti ko-kurikulum di sekolah-sekolah terutama dalam keadaan wujudnya gejala sosial khususnya di kalangan generasi muda. Muzik dapat memberi penekanan ke arah pembentukan kualiti diri dan sahsiah pelajar merangkumi aspek emosi, kreativiti, nilai sosialisasi, estetika dan etika. Di samping sebagai pendorong yang berfungsi sebagai penggerak minda untuk berfikir dengan lebih aktif ke arah peningkatan diri, penglibatan dalam aktiviti muzik memerlukan komitmen dan disiplin diri yang tinggi. Muzik juga dapat mencungkil bakat pelajar sekali gus membina keyakinan kental dalam diri. Rekoder merupakan alat muzik yang telah diperkenalkan ke sekolah-sekolah sejak pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) melalui mata pelajaran Pendidikan Muzik pada tahun 1983.

Perkembangan permainan rekoder ini telah menjadi satu aktiviti pengajaran dan pembelajaran baru iaitu “Ensembel Rekoder”. Ia telah membolehkan pelajar membentuk disiplin dalam membuat persembahan dan menikmati muzik ke arah membantu insan yang mempunyai emosi seimbang, kreatif dan inovatif. Kementerian Pelajaran Malaysia telah menjadikan pertandingan ensembel rekoder ini sebagai takwim tahunan. Ia telah berjaya dilaksanakan di peringkat sekolah, zon, daerah, negeri dan seterusnya peringkat kebangsaan.

Pertandingan secara berperingkat akan dapat melibatkan lebih banyak sekolah dalam aktiviti ini di samping memastikan hanya pasukan yang terbaik akan mewakili sesuatu peringkat ke peringkat yang lebih tinggi.

Antara objektif aktiviti dan persembahan ensembel rekoder adalah:

- a. Memberi peluasan pengalaman muzikal dan kesedaran estetik pelajar.
- b. Memperkembangkan daya komunikasi dan interaksi melalui persembahan.
- c. Memupuk disiplin dan semangat kerjasama di kalangan pelajar.
- d. Sebagai alternatif mengisi masa lapang pelajar.
- e. Memperkembangkan bakat pelajar dalam permainan alat muzik.
- f. Memberi pengukuhan kepada pelajar tentang teori muzik dan bacaan semerta.

Dalam menghasilkan sebuah kumpulan “Ensembel Rekoder” yang bermutu tinggi, seseorang guru muzik atau jurulatih itu harus merancang dan memberi penekanan terhadap beberapa faktor penting. Antara faktor-faktor utama yang lazimnya dibuat ialah seperti sistem pengurusan yang baik dan berkesan, kesesuaian penggunaan buku kaedah rekoder ke dalam pengurusan sebuah kumpulan “Ensembel Rekoder” dan latihan teknik permainan rekoder yang sistematik.

Seseorang guru muzik haruslah merangka dan menyusun strategi-strategi pembelajaran untuk pelajarnya yang merangkumi segala aspek-aspek yang berkaitan dengan sistem pengurusan yang baik. Ianya termasuk dari segi input elemen-elemen muzikalnya. Seperti yang dinyatakan oleh Professor Madya Zaharul Lailiddin bin Saidon dalam buku Rostam Abdul Rahman (2009): “Selain daripada kerja-kerja pentadbiran seperti penjagaan dan pemuliharaan alat-alat muzik, guru

pancaragam turut untuk merancang satu program latihan yang sistematik, berkesan dan menyeluruh”. Ini bermakna, seseorang guru muzik itu sama ada guru pancaragam mahupun guru sebuah kumpulan “Ensembel Rekoder”, beliau harus menjalankan pelbagai aktiviti pengurusan dan perancangan yang strategik.

Mutu persembahan sesebuah kumpulan “Ensembel Rekoder” selalunya dapat dinilai melalui beberapa aktiviti-aktiviti seperti pertandingan-pertandingan yang disertainya. Melalui aktiviti-aktiviti seperti ini, kita boleh melihat dan menilai mana pasukan yang baik mutu persembahannya atau sebaliknya. Jelas sekali pasukan yang menunjukkan persembahan yang bermutu tinggi itu mempunyai sejarah serta pengurusan pengendalian yang baik disamping kaedah-kaedah pengajaran teknikal yang diguna pakai sepanjang latihan yang dilaluinya.

Bagi pelajar pula, untuk meningkatkan kemahirannya dalam permainan alat muzik, pelajar tersebut harus mengetahui dan seterusnya menguasai beberapa aspek yang berkaitan dengan elemen-elemen yang terdapat dalam muzik iaitu seperti irama, ekspresi, dinamik, artikulasi, penghasilan ton, harmoni dan penghayatan sesebuah lagu dalam permainan rekoder.

Adalah difikirkan ia lebih bersesuaian dengan pelajar di Malaysia di mana mereka mampu akan menguasai elemen-elemen tersebut melalui latihan yang menggunakan gubahan lagu-lagu rakyat tempatan jika dibandingkan dengan lagu-lagu rakyat (*folk song*) dari barat. Di dalam buku Johaimi Abdullah, Zoltan Kodaly menyatakan “Lagu rakyat dan tradisional ialah bahan asas kepunyaan


rakyat, identiti adalah kepunyaan sesebuah negara, mempunyai nilai estetik yang tinggi dan bahan di dalam bahasa ibunda yang mudah difahami oleh kanak-kanak”

Oleh tu, kebanyakan lagu-lagu yang dimainkan adalah daripada lagu-lagu rakyat dan lagu tradisional melayu dari Malaysia. Ia lebih memudahkan guru dan murid untuk menguasai sesebuah persembahan atau sebagainya. Seterusnya adalah penggunaan buku kaedah teknik bermain rekoder. Guru muzik atau jurulatih harus faham dengan pengisian buku yang dipilih dan boleh menterjemahkannya dalam bentuk teori dan praktikal kepada pelajar agar pelajar tersebut mahir dan dapat menguasai permainan alat muzik. Terdapat beberapa item muzikal yang terkandung dalam buku kaedah ini seperti teori, elemen muzik yang merangkumi latihan irama dan latihan dinamik, teori-teori notasi muzik, gubahan lagu, latihan permainan alat muzik secara individu, enssembel dan sebagainya.

Antara buku kaedah yang sering digunakan oleh guru dan jurulatih sebuah kumpulan “Ensembel Rekoder” di Malaysia adalah seperti *The Bass Recorder Handbook (1986)* yang ditulis oleh Bloodworth, *Recorder From The Beginning (1995)* yang ditulis oleh John Pitts dan sebagainya. Adalah menjadi keutamaan kepada seseorang guru muzik untuk merangka dan menyusun strategi-strategi pembelajaran untuk pelajarnya yang merangkumi segala aspek-aspek yang berkaitan dengan sistem pengurusan yang baik, kaedah penyusunan latihan yang sistematik dan berkualiti termasuk dari segi input elemen-elemen muzikalnya. Justeru, bagi projek pembinaan set gubahan lagu untuk sebuah kumpulan “Ensembel Rekoder” ini beberapa kriteria telah diambil kira supaya ia dapat memberi keberkesanan dan seterusnya menghasilkan sebuah kumpulan “Ensembel Rekoder” yang bermutu.

Penghasilan sebuah gubahan muzik untuk sesebuah kumpulan “Ensembel Rekoder” adalah seperti rajah di bawah di mana segala aspek yang berkaitan dengan elemen muzik di ambil kira:

Rajah 1: Pembinaan modul projek (Mohd Sallehuddin Shah bin Zainal Abidin, 2011)



1.2 Pernyataan Masalah

Penglibatan pelajar menengah dalam sesebuah kumpulan “Ensembel Rekoder” sekolah dilihat amat menggalakkan pada masa sekarang terutamanya di sekolah rendah. Pembelajaran Muzik secara formal dengan menggunakan rekoder kepada murid Tahap dua telah bermula pada tahun 1986.

Pertandingan ini disyorkan sebagai satu aktiviti sokongan dan pengukuhan kepada aktiviti di bilik darjah (kurikulum) di samping dapat mencungkil bakat pelajar dalam permainan alat. Ianya sebagai alternatif bagi pertandingan yang sedia ada.

Rata-rata guru muzik yang baru berkecimpung dalam bidang kejurulatihan sebuah kumpulan “Ensembel Rekoder” tidak mampu menyediakan bahan pengajaran dan pembelajarannya sendiri. Kebanyakan guru-guru mengambil jalan selamat dengan menggunakan buku kaedah rekoder yang terdapat di pasaran. Kelebihan menggunakan buku kaedah ini memang tidak dapat disangkal akan keberkesanaannya kerana ianya telah banyak membantu jurulatih-jurulatih sesebuah kumpulan “Ensembel Rekoder” selama ini.

Namun demikian kelemahan buku kaedah ialah ianya ditulis oleh penggubah dari barat dan menggunakan lagu-lagu gubahan yang berunsurkan lagu rakyat dari barat. Penggunaan lagu-lagu *folk song* ini juga adalah berdasarkan kepada falsafah dan kaedah yang telah digunakan oleh Zoltan Kodaly. Walaupun perkara ini tidak menimbulkan masalah dan menjadi halangan utama tetapi ianya tidak menepati hasrat untuk memupuk minat terhadap warisan muzik tempatan terutamanya kepada pelajar-pelajar sekolah. Oleh itu bahan-bahan dari “buku kaedah” ini terdapat sedikit bertentangan dengan hasrat tersebut.


Justeru, lagu-lagu gubahan untuk sesebuah kumpulan “Ensembel Rekoder” di Malaysia memerlukan gubahan yang menggunakan lagu-lagu dari lagu rakyat tempatan. Dalam buku Johaimi Abdullah (1995) Zoltan Kodaly menyatakan, “Menyanyi, bermain muzik dan menari mengikut lagu rakyat tempatan akan memberi satu ingatan yang mudah kepada pelajar dan ianya akan berkembang kepada lagu dari kebudayaan negara lain.” Berdasarkan kenyataan tersebut, lagu rakyat tempatan adalah lebih mudah difahami dan dipelajari oleh pelajar berbanding lagu-lagu dari luar.

Selain itu, melalui pemerhatian dan penilaian pengkaji, di dapati kekurangan dan kelemahan yang berlaku adalah berpunca dari kelemahan pelajar menguasai kemahiran permainan rekoder dalam aspek-aspek yang berkaitan dengan penguasaan pemahaman dalam elemen-elemen muzikal .

1.2.1 Elemen Muzik

Rajah 2 menunjukkan beberapa pecahan-pecahan elemen muzik yang menjadi faktor yang menyumbang kepada masalah penghasilan sesebuah persembahan bermutu yang sering dihadapi di dalam sesebuah kumpulan “Ensembel Rekoder”.

Rajah 2: Elemen Muzik (Mohd Sallehuddin Shah bin Zainal Abidin, 2011)



1.2.2 Irama

a) Pertukaran not-not pendek

Kebanyakan pelajar yang kurang pengalaman sering memendekkan not semasa menukar kepada not-not lain. Contohnya nilai untuk not krocet atau minim tidak dimainkan dengan cukup. Keadaan ini disebabkan oleh teknik pernafasan yang tidak betul atau tidak memahami kepentingan meniup not mengikut nilainya yang betul atau tidak berhati-hati semasa bermain.

b) Kuaver bertitik - corak irama semikuaver

Masalah yang sering berlaku ialah corak irama dalam meter 2/4 atau 4/4 bila terdapat corak irama kuaver bertitik ataupun semikuaver ujud dalam skor. Pelajar sering meniup dengan nilai dan irama not yang salah. Oleh itu keseragaman corak irama tidak berlaku dan menghasilkan  05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi
melodi atau muzik yang tidak seragam dari aspek irama. Terdapat juga masalah irama jika not kuaver dan semi kuaver yang ditulis dan dimainkan dalam tempo yang cepat. Kecenderungan pelajar ialah mereka sering bermain dengan cepat dan menghasilkan bunyi irama yang tidak tepat seperti yang ditulis.

c) Sinkopasi

Bermain lagu yang mempunyai banyak sinkopasi adalah masalah utama pelajar untuk mendapatkan ketepatan irama seperti yang ditulis dalam skor. Satu kaedah yang digunakan untuk mendapat ketepatan irama sinkopasi ialah melatih pelajar menyebut dan menepuk irama pada keratan-keratan irama yang terdapat sinkopasi. Ianya membantu pelajar mencapai tahap ketepatan irama yang diperlukan seperti mana yang ditulis dalam skor.



d) Triplet

Ramai pelajar yang menghadapi masalah not triplet bila mereka tidak menyangka irama ini terdapat dalam meter duaan seperti $2/4$, $4/4$, atau $2/2$. Masalah not triplet yang rumit sering berlaku jika jeda antara not tersebut sukar dimainkan. Selalunya dua not pertama dimainkan lebih cepat dan memaksa mereka memanjangkan bunyi not ketiga lebih daripada yang ditulis.

e) Tied Notes

Ramai pelajar yang kurang pengalaman akan merasa ragu dengan irama yang mempunyai *tied notes*. Hasilnya not yang dimainkan selepas *tied notes* lambat dan irama tidak tepat. Masalah ini sering berlaku dalam keratan melodi yang tempo perlahan di mana kecenderungan pelajar menarik nafas semasa *tied notes*.



f) Skel

Kesalahan atau masalah yang sering berlaku semasa bermain lagu dalam berbagai skel. Pelajar sering melakukan kesalahan semasa bermain not-not yang ada slur dan cenderung untuk bermain cepat atau lambat jika terdapat not-not yang sukar penjarannya. Selain daripada itu pelajar juga menghadapi masalah kordinasi di antara penjarian dan penglidahan. Jika kordinasi tidak lancar maka irama yang dihasilkan juga tidak lancar dan tidak tepat. (Colwel,R & Goolsby,T 1998)





g) Pemberatan nilai not atau ton

Menghasilkan ton yang tidak sama pemberatan bunyi walaupun irama atau pemberatannya ditulis sama, akan tetapi pelajar bermain irama yang tidak sama seperti yang ditulis.

Kadang kala irama yang ditulis sama pemberatan bunyinya tetapi pelajar membuat kesalahan dengan membunyikan satu not lebih panjang daripada not yang lain sedangkan irama yang betul perlu dimainkan semestinya sama rata bunyi dan nilainya.

h) Teknik Instrumental

Tiga sebab utama masalah teknik tiupan yang memberi kesan terhadap ton dan irama ialah.

- Pembentukan mulut (*embouchure*) yang tidak betul.
- Teknik penjarian yang salah.
- Kekurangan masa latihan diberikan untuk mencapai keseragaman stail.



1.2.3 Artikulasi

Masalah besar yang dihadapi oleh kebanyakan kumpulan “Ensembel Rekoder” yang dimainkan secara instrumental ialah teknik atau penghasilan artikulasi yang tidak betul. Artikulasi memberi kesan kepada kualiti ton, kelancaran irama, keseimbangan, kesepaduan bunyi, intonasi dan berbagai aspek berkaitan dengan kemurnian dan keharmonian muzik yang dipersembahkan.

1.2.4 Dinamik

Ketepatan dinamik adalah sesuatu yang subjektif dalam persembahan ensembel muzik. Aras dinamik tidak boleh dikurangkan pada sesuatu ukuran *decibel* (kekuatan bunyi) kerana ianya berkaitan dengan kebolehan menginterpretasi skor, kemahuan jurulatih dan *mood* sesuatu lagu.





Selalunya masalah yang timbul kerana pemain tidak dapat merasai kekuatan sebenarnya sesuatu dinamik seperti *piano* (*p*) atau *forte* (*f*). Semuanya ditentukan oleh berbagai aspek seperti peralatan yang digunakan, *register*, *style*, pencipta, zaman, kawalan bunyi daripada pemain, kehendak konduktor dan citarasa seseorang. Kegagalan pemain mengamati tanda dinamik yang ditulis akan memberi kesan pada bunyi atau kemerduan sesuatu lagu dan sudah pasti kekurangan warna atau kecantikan kepada lagu yang dipersembahkan.

Masalah ekspresi sering berlaku kepada pelajar yang kurang pengalaman muzik dan kurang diberi pendedahan oleh jurulatih mengenai kehendak atau karektor muzik yang ingin dihasilkan. Mereka gagal menterjemahkan karektor-karektor yang ditulis dalam skor kepada bunyi yang bermakna seperti *mood* lagu, kualiti ton, ketepatan irama, keseimbangan, intonasi, dinamik, frasa lagu dan berbagai aspek estetika yang terkandung didalam lagu tersebut.



1.2.5 Ton

Kualiti ton yang dihasilkan oleh sesebuah ensembel memberi kesan pada bunyi lagu yang dimainkan. Terdapat pelajar-pelajar yang tidak dapat menghasilkan ton yang berkualiti seperti bermain terlalu kuat dalam ensembel atau sering bermain diluar piawaian pic atau sumbang, ton yang kasar dan keras. Masalah ton adalah perkara yang sering berlaku dalam kebanyakan ensembel instrumental yang kurang mahir. Kualiti ton yang baik dihasilkan dengan kombinasi seluruh pemain secara kolektif.





Kualiti ton ditentukan oleh Kualiti dan keadaan fizikal setiap alat muzik. Konsep ton yang terdapat dalam pemikiran dan persepsi pelajar, Pembentukan *embouchure* dan Kawalan pernafasan.

1.2.6 Harmoni

Kebanyakan pelajar kurang memahami harmoni dan peranan atau karektor bagi setiap alat untuk menghasilkan pic yang tepat, keseimbangan dan harmoni yang bermutu. Terdapat juga pelajar yang tidak memahami keseimbangan di antara melodi, kaunter melodi dan pergerakan kord dalam lagu. Masalah ini dapat diatasi dengan berbagai kaedah dan latihan yang perlu diberi kepada pelajar agar mereka dapat meningkatkan kemahiran mendengar dan memahami pergerakan harmonik yang terdapat dalam lagu. Asas yang paling penting ialah dapat meniun

(*tune*) alat muzik dengan tepat sebelum memulakan latihan secara ensemble.



1.3 Tujuan Kajian

Tujuan utama projek ini adalah untuk membina atau membangunkan set Gubahan Lagu Rakyat Tempatan Untuk sebuah kumpulan “Ensembel Rekoder”. Secara khususnya objektif projek ini adalah seperti berikut:

- a. menyediakan satu buku yang mengandungi skor-skor gubahan lagu rakyat Malaysia untuk digunakan dalam latihan pasukan ensembel rekoder sekolah rendah tahap dua (Tahun empat, lima dan enam).
- b. Buku ini merupakan sebagai bahan tambahan kepada buku-buku gubahan rekoder yang sedia ada.



- c. Skor-skor lagu yang terdapat dalam buku ini boleh digunakan sebagai bahan alternatif menggantikan skor lagu yang terdapat dalam buku kaedah rekoder.
- d. Skor-skor lagu yang digubah hanya terdiri dari lagu-lagu rakyat tempatan Malaysia dan ianya boleh diguna pakai untuk pertandingan dan persembahan ensemble rekoder.

1.4 Kesignifikanan Projek

Terdapat banyak sumber yang berkaitan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran muzik instrumental boleh didapati di pasaran seperti buku kaedah permainan rekoder yang dikeluarkan oleh beberapa tokoh-tokoh muzik terkenal, namun demikian apa yang cuba ditekankan di sini ialah tentang kaedah-kaedah pembelajaran dan pengajaran tambahan yang boleh diguna pakai bagi menambahkan lagi keberkesanan di dalam proses mengendalikan latihan sebuah kumpulan “Ensembel Rekoder”. Ini adalah yang difikirkan mampu untuk memberi keberkesanan iaitu dengan menghasilkan satu set gubahan lagu-lagu rakyat tempatan.


Penghasilan buku ini diharapkan dapat membantu guru-guru kumpulan “Ensembel Rekoder” untuk diguna pakai dalam latihan-latihan muzik yang dikendalikannya. Justeru, ia dapat memupuk pelajar dalam mencintai warisan budaya bangsanya.

Selain dari itu, pelajar akan lebih mudah menghayati elemen-elemen muzik yang serasi dengan jiwanya dan dengan secara tidak langsung akan dapat memberi keberkesanan dalam proses pembelajaran dan memupuk keyakinan diri terhadap apa yang sedang dipelajari oleh mereka.

1.5 Batasan Projek

Pembinaan projek gubahan ini adalah sebahagian besarnya berpandukan kepada buku panduan latihan rekoder *Recorder From The Beginning (Book 1, Book 2 and Book 3)* oleh John Pitts. Kemudian, ia telah disesuaikan dengan latihan sebuah kumpulan “Ensembel Rekoder” tahap kemahiran yang digunakan ialah di aras kedua di mana segala penggunaan kemahiran yang terdapat pada elemen-elemen muzik dalam gubahan ini adalah berpandukan kepada aras kemahiran yang terdapat dalam buku tersebut. Gubahan-gubahan yang terkandung dalam projek ini terbatas kepada elemen-elemen muzik yang terkandung dalam jadual 1

Jadual 1: Batasan elemen muzik yang terkandung dalam buku (Mohd Sallehuddin Shah bin Zainal Abidin, 2011)

Tanda nada			
Tanda masa	2 4	3 4	4 4
Bilangan not	14 Not / 2 Oktaf		

Renj instrument	Soprano Alto Tenor Bass 
Jenis gubahan	Unison , harmoni , ostinato , drone , gubahan
Jenis irama	Semibref , minim , krocet , kuaver

Carta 1: Carta Penjarian asas rekoder Baroque. Adaptasi dari koleksi peribadi (Chan Kit Yip, 2011)


Not Dan Jenis Rekoder			Oktaf Pertama							
Soprano/Tenor	Alto/Bass	No. Lubang	0	1	2	3	4	5	6	7
C	F	Kedudukan Penjarian	○	○	○	○	○	○	○	○
C#	F#		○	○	○	○	○	○	○	○
D	G		○	○	○	○	○	○	○	○
D#	G#		○	○	○	○	○	○	○	○
E	A		○	○	○	○	○	○	○	○
F	A#		○	○	○	○	○	○	○	○
F#	B		○	○	○	○	○	○	○	○
G	C		○	○	○	○	○	○	○	○
G#	C#		○	○	○	○	○	○	○	○
A	D		○	○	○	○	○	○	○	○
A#	D#		○	○	○	○	○	○	○	○
B	E		○	○	○	○	○	○	○	○



Not Dan Jenis Rekoder			Oktaf Kedua							
Soprano/Tenor	Alto/Bass	No. Lubang	0	1	2	3	4	5	6	7
C	F	Kedudukan Penjarian			●					
C#	F#			●	●					
D	G				●					
D#	G#				●	●	●	●	●	
E	A		●	●	●	●	●	●		
F	A#		●	●	●	●	●		●	
F#	B		●	●	●	●		●		
G	C		●	●	●	●				
G#	C#		●	●	●		●			
A	D		●	●	●					
A#	D#		●	●	●		●	●	●	
B	E		●	●	●		●	●		



Plat 1 dan 2: Kedudukan jari untuk menghasilkan pic yang tinggi. (Gambar diterima dari koleksi peribadi Chan Kit Yip, 2011)



Plat 3: Kedudukan nombor dan lubang rekoder (Mohd Sallehuddin Shah bin Zainal Abidin, 2011)



1.6 Definisi Istilah

1.6.1 Gubahan lagu

Gubahan lagu secara umumnya adalah merupakan satu karya penyusunan semula permainan alat-alat muzik dalam bentuk penulisan notasi muzik. Ini bermakna gubahan lagu rekoder merupakan penyusunan dan penulisan notasi yang menggunakan rekoder soprano, alto, tenor dan bass.

1.6.2 Buku Kaedah rekoder (*Recorder Method Book*)

Merupakan sesebuah buku yang mengandungi beberapa bentuk bahan pengajaran dan pembelajaran permainan rekoder. Bahan-bahan yang terkandung dalam buku kaedah rekoder ini merangkumi asas notasi, kemahiran membaca skor, penjarian instrument, latihan permainan rekoder dan skor lagu.

Ianya berfungsi untuk membimbing pelajar memperkembangkan kemahiran-kemahiran terutamanya dalam permainan rekoder di dalam sebuah kumpulan “Ensembel Rekoder” di samping memperolehi pengetahuan asas muzik.

1.6.3 Ensembel Rekoder

Ensembel muzik ialah kumpulan yang terdiri daripada dua atau lebih ahli muzik yang mempersembahkan muzik instrumental atau vokal. Setiap stail muzik yang berbeza normanya mempunyai perkembangannya dari segi saiz dan komposisi dari ensembel yang berbeza, dan pemilihan dan penyediaan “repertoire” adalah bergantung kepada cara sesuatu ensembel itu dipersembahkan

1.6.4 Skor muzik

Satu lampiran cetakan penulisan notasi-natasi muzik yang mewakili alunan irama dan lagu sama ada dalam bentuk skor nyanyian ataupun permainan rekoder.

1.6.5 Finale

Merupakan sebuah perisian komputer yang digunakan untuk menulis notasi-notasi muzik. Selain itu, Finale dicipta untuk membantu penggubah dan pemuzik bagi membina dan menulis karya gubahan mereka dalam bentuk notasi. Paparan perisian Finale ditunjukkan dalam rajah 2:

Rajah 2: Paparan perisian *Finale*

